

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 17 MAC 2022  
AKHBAR : HARAKAH  
MUKA SURAT : 12

### Yayasan Petronas bantu 36,000 pelajar miskin

# Yayasan Petronas bantu 36,000 pelajar miskin

Oleh SALMAH MAT HUSAIN

**KOTA BHARU:** Jumlah penerima sumbangan Back To School Petronas tahun ini meningkat sebanyak 71 peratus berbanding tahun sebelumnya.

Tahun ini Yayasan Petronas menyampaikan sumbangan kepada 36,000 pelajar di seluruh negara. Daripada jumlah itu 22,000 merupakan murid sekolah rendah dan 14,000 pelajar sekolah menengah rendah.

Pengurus Kanan Petronas Pantai Timur, Azeman Said berkata, seramai 4,200 pelajar daripada jumlah terbabit keluarga berpendapatan rendah di Kelantan.

“Sejak program itu dilancarkan pada 2003, Petronas terus komited bagi meringankan bebanan golongan berpendapatan rendah,” katanya selepas menyerah sumbangan itu kepada kerajaan negeri baru-baru ini.

Sumbangan berkenaan disampaikan kepada Pengurusi Jawatankuasa Pembangunan Insan, Pendidikan, Pengajian Tinggi, Sains dan Teknologi negeri, Dato’ Dr Mohamed Fadzli Hassan.

Azeman juga berkata, situasi pandemik dan peningkatan harga barang menambahkan cabaran dihadapi ibu bapa bagi menyediakan kelengkapan persekolahan anak.

Menurutnya juga berdasarkan laporan Jabatan Statistik Malaysia, pandemik



Dr Mohamed Fadzli Hassan menunjukkan peralatan persekolahan yang disumbang Yayasan Petronas.

menyebabkan seramai 580,000 isi rumah M40 disenarai dalam kategori B40.

Oleh itu katanya, mengambil kira perkembangan tersebut jumlah penerima sumbangan Back To School tahun ini ditambah.

“Buat julungkalinya pelajar sekolah menengah rendah turut dibantu Petronas. Sebanyak 2,600 bantuan disampaikan kepada murid sekolah rendah di Machang, Gua Musang, Tanah Merah, Kuala Krai dan Jeli,

“Manakala 1,600 lagi

sumbangan diagih kepada pelajar sekolah menengah rendah di Pasir Mas, Kota Bharu, Tumpat, Pasir Putih dan Bachok,” ujarnya.

Setiap pelajar menerima sepasang pakaian seragam sekolah, sepasang pakaian sukan, kasut, stoking, beg galas, bekas makanan dan botol minuman.

Selain itu set alat tulis termasuk geometri dan buku aktiviti, kit kebersihan diri meliputi dua helai pelitup muka tiga lapisan dan dua helai tuala muka.